

Lebih 163,000 kunjungi MSAM

**PNB puas hati
penganjuran
MSAM 2019 di
Sungai Petani**

NUR SHARIEZA ISMAIL

Program Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2019 anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang berlangsung di Sungai Petani, Kedah baru-baru ini mencatat kehadiran lebih 163,000 pengunjung sepanjang seminggu penganjurannya.

Pameran tersebut menyediakan pelbagai aktiviti interaktif bertujuan mendidik orang ramai mengenai pelaburan serta meningkatkan tahap literasi kewangan pengunjung.

Menariknya, pengunjung yang hadir bukan sahaja terdiri daripada warga



Sungai Petani bahkan dari Perlis dan Pulau Pinang.

Presiden yang juga Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, pihaknya berpuas hati dengan sambutan positif dan jumlah pengunjung yang memberangsangkan pada MSAM 2019.

"Bilangan pengunjung yang tinggi terdiri daripada pelbagai segmen masyarakat membuktikan minat orang ramai terhadap pelaburan peribadi mereka dan kami percaya program serta aktiviti yang telah dianjurkan pada MSAM 2019 berjaya meningkatkan tahap literasi kewangan mereka," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, aplikasi



Norasyikin merangkul hadiah utama Ford Ranger 2.2L XLT pada program Minggu Saham Amanah Malaysia 2019 di Sungai Petani, baru-baru ini.

MyASNB yang dilancarkan semasa MSAM 2019 turut diterima dengan baik apabila aplikasi baharu tersebut membolehkan pemenang mengakses akaun mereka dengan pantas melalui telefon pintar.

Pemegang unit juga boleh melabur terus dari bank mereka melalui FPX

serta memuat turun penyata akaun terperinci.

"Tambahan lagi, laman ASNB pada MSAM 2019 menyediakan perkhidmatan penuh mirip cawangan ASNB dengan perkhidmatan kaunter lengkap termasuk pendaftaran akaun baharu taklimat perancangan pelaburan, penge-

maskinian akaun ASNB serta pendaftaran portal MyASNB untuk para pengunjung.

"Di samping pengetahuan yang dikongsi melalui pelbagai program bual bicara, permainan, aktiviti interaktif dan pameran sepanjang MSAM 2019, hadiah yang menarik juga

merupakan tarikan utama untuk para pengunjung," katanya.

Pada hari terakhir pameran, tiga hadiah e-Peraduan telah diumumkan dengan pemenang utama Norasyikin Ahmad, 35 dari Pulau Pinang berjaya membawa pulang sebuah kereta Ford Ranger 2.2L XLT.

Sementara itu, Nasir Mohd Noor, 40, dari Kedah pula membawa pulang sebuah kereta Toyota Vios 1.5G manakala sebuah motosikal Yamaha R25 menjadi milik Nora Shakila Halim, 32, dari Kedah.

MSAM 2019 dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menerusi perutusan video khas pada 21 April 2019 di pekarangan Amanjaya Mall, Sungai Petani yang telah berlangsung dari 19 hingga 25 April 2019.